

Memorandum

No. Rujukan : USM.3/6 Jld.XXXIX
Tarikh : 4 November 2025
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 53 TAHUN 2025

- PENILAIAN MYTALENT UNTUK LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (MYPERFORMANCE) DAN KEMAJUAN KERJAYA BAGI STAF KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, penilaian MyTalent telah dilaksanakan Universiti bagi keperluan Laporan Penilaian Prestasi (LPP) dan kemajuan kerjaya bagi staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Namun begitu, pada masa ini, penilaian MyTalent ini adalah dilakukan secara berasingan (untuk keperluan LPP dan kemajuan kerjaya) serta mengikut kompetensi yang berbeza.

3. Sehubungan itu, pihak Universiti telah menambah baik pelaksanaan penilaian MyTalent ini yang mana prestasi penilaian/skor My Talent dalam penilaian LPP akan turut diguna pakai sekali gus untuk penilaian kemajuan kerjaya dan pelan penggantian kepimpinan pentadbir.

4. Manakala penambahbaikan dalam struktur penilaian MyTalent ini untuk LPP staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah seperti berikut, yang akan berkuat kuasa mulai penilaian LPP tahun 2025 :-

Perkara	Catatan
<u>Jenis Kompetensi Yang Diukur</u>	i. Semua tujuh (7) Kompetensi Teras + tambahan pengukuran elemen Integriti • 7 Kompetensi Teras + elemen Integriti
<u>Bilangan Soalan Keseluruhan</u>	40 soalan • 5 soalan bagi setiap Kompetensi Teras dan elemen Integriti
<u>Kategori Penilai</u>	i. Pegawai Penilai Pertama (PPP) ii. Pegawai Penilai Kedua (PPK) [sekiranya ada] iii. Dua (2) orang rakan sejawat kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam jabatan yang sama atau di jabatan lain iv. Dua (2) staf seliaan sejabatan rentas skim perjawatan • Yang bergred 5-8 sahaja

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 53 TAHUN 2025

**- PENILAIAN MYTALENT UNTUK LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (MYPERFORMANCE)
DAN KEMAJUAN KERJAYA BAGI STAF KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

5. Sila ambil perhatian bahawa tempoh penilaian MyTalent bagi LPP tahun 2025 untuk staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah mulai **5 November hingga 18 November 2025**. Semua penilai akan menerima emel jemputan untuk melaksanakan penilaian MyTalent ini, yang boleh diakses menerusi aplikasi 'MyTalent' di portal *Campus Online* masing-masing.

6. Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k Naib Canselor

Pendaftar